



Untuk Siaran Segera

SSPN-i PLUS PRODUK SIMPANAN PTPTN MENAWARKAN CABUTAN WOW! BERNILAI RM1 JUTA

Kuala Lumpur, 14 Julai 2020 – PTPTN mengadakan **Pelancaran Cabutan WOW! SSPN-i Plus** yang disempurnakan oleh Yang Berbahagia **Encik Wan Saiful Wan Jan, Pengerusi PTPTN** bertempat di Menara PTPTN.

PTPTN sentiasa menyediakan **promosi istimewa** untuk menggalakkan penabungan pendidikan dalam kalangan masyarakat Malaysia di samping memberikan penghargaan kepada pendeposit yang setia melalui cabutan-cabutan hadiah yang ditawarkan.

Cabutan WOW! adalah promosi yang istimewa dan sinonim dengan **SSPN-i Plus** semenjak produk ini diwujudkan pada tahun **2015**. Hari ini, PTPTN melancarkan **Cabutan WOW! SSPN-i Plus bagi tahun 2020** yang terdiri daripada **dua kategori** cabutan iaitu **Cabutan Tahunan** dan **Cabutan Bulanan**. **Hadiah** yang ditawarkan cukup menarik dan lumayan dengan jumlah keseluruhan hadiah bernilai **RM1 juta**. **Hadiah utama Cabutan Tahunan** bagi **Cabutan WOW! SSPN-i Plus 2020** adalah berupa **kereta Mercedes Benz C200 FL AMG Line**. **Hadiah bagi Cabutan Bulanan** bagi **Cabutan WOW! SSPN-i Plus 2020** pula adalah berupa **wang tunai**. Melalui Cabutan **WOW! SSPN-i Plus 2020** ini, keseluruhan seramai 1,123 pendeposit akan berpeluang untuk memenangi hadiah yang ditawarkan.

Tempoh promosi Cabutan **WOW! SSPN-i Plus** ini akan berlangsung bermula **1 Julai hingga 31 Disember 2020** bagi **Cabutan Bulanan** manakala bagi **Cabutan Tahunan** pula **1 Januari hingga 31 Disember 2020**.

Pembukaan dan penambahan akaun **SSPN-i Plus** boleh dibuat secara **cashless** dengan mudah, cepat dan selamat di www.lovesspn.com. Selain itu, orang ramai juga boleh menghubungi **Eksekutif Pemasaran** PTPTN atau **mengunjungi Pejabat PTPTN Negeri** berdekatan di negeri masing-masing untuk membuka akaun, membuat tambahan simpanan mahupun untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan lanjut.

“Kerajaan telah menyediakan tabungan pendidikan untuk masyarakat Malaysia bagi memastikan masa depan anak-anak lebih terjamin. **Pada tahun 2015, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin** telah melancarkan produk kedua simpanan pendidikan PTPTN iaitu **SSPN-i Plus**. Usaha beliau bagi memastikan perancangan kewangan masyarakat Malaysia terutamanya ibu bapa untuk masa depan pendidikan anak-anak sewajarnya dipuji kerana **SSPN-i Plus merupakan pelan simpanan terbaik untuk masyarakat Malaysia**”, kata Pengerusi PTPTN, Wan Saiful Wan Jan.

“Apabila anak berusia 18 tahun, sampai masa anak masuk IPT, **simpanan yang dibuat boleh digunakan untuk tujuan pendidikan mereka**. Oleh yang demikian secara tidak langsung, **anak-anak tidak perlu meminjam** untuk meneruskan pengajian atau **hanya meminjam dalam jumlah yang sedikit** dan betul-betul diperlukan sahaja”, tambahnya lagi.

Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid berkata, “**PTPTN sebagai peneraju dalam kewangan untuk pendidikan di negara ini** sentiasa ingin menjadikan ibu bapa sebagai hero di sisi anak-anak dengan **sentiasa mengamalkan perancangan kewangan melalui penabungan pendidikan di peringkat awal lagi, menyimpan secara baik dan teratur** demi masa depan pendidikan sekali gus **merealisasikan cita-cita mereka**”.

“**PTPTN juga tidak pernah jemu untuk mewar-warkan keistimewaan dan manfaat yang diberikan oleh SSPN-i Plus** ini kerana kami tidak mahu ada dalam kalangan masyarakat Malaysia yang tidak tahu tentang perkara ini dan **terlepas manfaat yang diberikan**”, tambahnya lagi.

SSPN-i Plus merupakan skim simpanan pendidikan yang menawarkan **enam (6) pakej simpanan** yang boleh dibuat pilihan oleh ibu bapa untuk anak-anak **mengikut kemampuan kewangan** masing-masing. Pakej yang paling rendah adalah pakej Intan iaitu dengan **penabungan bulanan sebanyak RM30.00** atau **hanya memerlukan komitmen sebanyak RM1 sehari**. Melalui penabungan ini masyarakat akan menikmati **manfaat berganda** apabila membuat simpanan.

Dengan pakej simpanan **bertakaful** ini, **masa depan anak-anak turut terjamin walaupun kematian ibu atau bapa** kerana melalui simpanan SSPN-i Plus, **manfaat takaful yang diberikan dari RM40,000 sehingga RM1 juta, tertakluk kepada pakej yang dipilih**. Selain manfaat kematian, melalui SSPN-i Plus pendeposit juga layak mendapat **elaun kemasukan hospital dan 36 penyakit kritikal**.

Melalui pembentangan Bajet 2019, Kerajaan juga telah **menaikkan insentif pelepasan taksiran cukai untuk SSPN daripada RM6,000 kepada RM8,000** bermula tahun taksiran 2019. Rakyat Malaysia yang beragama Islam juga tidak perlu khuatir kerana simpanan pendidikan ini berpandukan kepada **sistem kewangan yang patuh syariah**, selain simpanannya **dijamin oleh Kerajaan**. Ibu bapa turut mendapat faedah sampingan menerusi **dividen yang kompetitif**.

Semenjak SSPN dilancarkan pada tahun 2004 **sehingga Mei 2020**, jumlah keseluruhan deposit terkumpul SSPN telah mencecah kepada **RM6.4 bilion** dengan sebanyak **4.5 juta akaun** yang telah dibuka. Jumlah deposit SSPN bagi tempoh **Januari hingga Mei 2020** adalah sebanyak **RM564.20 juta** berbanding RM380.18 juta untuk tempoh yang sama pada tahun 2019 iaitu peningkatan sebanyak **RM184.02 juta** atau **48.4%**.

Mengenai PTPTN dan SSPN

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566) yang berkuat kuasa pada 1 Julai 1997. PTPTN memulakan operasi pada 1 November 1997 dan bertanggungjawab menguruskan pinjaman untuk tujuan pendidikan tinggi dan mengutip pembayaran balik pinjaman; **menyediakan skim simpanan dan menguruskan deposit bagi tujuan pendidikan tinggi**; serta melaksanakan sebarang fungsi lain yang diamanahkan kepada PTPTN oleh mana-mana undang-undang bertulis.

Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) adalah merupakan satu skim atau instrumen simpanan yang direka khas oleh PTPTN bagi tujuan pendidikan tinggi. Di bawah SSPN ini terdapat dua produk iaitu SSPN-i (yang dilancarkan pada tahun 2004) dan **SSPN-i Plus (yang dilancarkan pada tahun 2015)**.

Hubungi:

- i) Pn. Rina Abd Rahman di rina@ptptn.gov.my (019 - 3888 733); atau
- ii) En. Muhamad Haikal Asmawi di haikal@ptptn.gov.my (010 – 6568 510)

-tamat-

Disiarkan oleh: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)